KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

E-KERATAN
AKHBAR HARIAN

26-27 JANUARI 2023

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

www.rurallink.gov.my | Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah | kkdw_gov | kkdw_gov | KKDW_GOV Official | kkdw_govofficial

TARIKH:
26 JANUARI 2023
HALAMAN:
9
ONLINE

FELCRA dalam proses susun semula anak syarikat

Rangka kerjasama dengan pelabur pastikan jaminan pendapatan tambahan kepada organisasi, peserta

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: FELCRA Berhad kini dalam proses menyusun semula anak syarikatnya, termasuk menutup terus entiti yang dikenal pasti beroperasi secara bertindan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Datuk Mat Roni Zakaria, berkata selain itu, dua anak syarikat dikenal pasti untuk digabung, meninggalkan hanya 11 anak syarikat aktif dalam operasi perniagaan masing-masing.

"Pelan Transformasi 1.0 dilaksanakan FELCRA Berhad sudah mengenal pasti perniagaan anak syarikat komersial yang bertindan dan mendapat kelulusan lembaga pengarah untuk distrukturkan semula," katanya dalam temu bual bersama *BH*.

Sembilan anak syarikat milik penuh FELCRA Berhad yang aktif ialah FELCRA Plantation Services Sdn Bhd, FELCRA Niaga Sdn Bhd, FELCRA Processing & Engineering Sdn Bhd, FELCRA Properties Sdn Bhd dan FELCRA Bina Sdn Bhd dan FELCRA Training & Consultancy Sdn Bhd.

Selain itu, FELCRA Education Services Sdn Bhd, FELCRA Food Industries Sdn Bhd dan Permodalan FELCRA Sdn Bhd, manakala pegangan 55 dan 53 peratus pula masing-masing dalam dua lagi anak syarikat, iaitu Diversatech (M) Sdn Bhd dan FELCRA Bekalan & Perkhidmatan Sdn Bhd.

Untuk memberi tumpuan kepada bisnes benih padi dan sawit, segmen bisnes baja organik FELCRA Plantation Services digabungkan ke dalam FELCRA Niaga Sdn Bhd, manakala pengurusan dan pengendalian ladang oleh FELCRA Urus Estet dimansuhkan dan diurus terus di bawah FELCRA Berhad.

Syarikat bersekutu, Sinergi Perdana Sdn Bhd pula sudah dijual seluruh pegangan saham FELCRA Berhad sebanyak 33.33 peratus kepada RISDA pada 2022, manakala anak syarikat tidak aktif ialah FELCRA Urus Estet Sdn Bhd, FELCRA Livestock & Agri Product Sdn Bhd, FELCRA Agro Industri Sdn Bhd dan FELCRA Banggi Development Sdn Bhd.

FELCRA Berhad juga mempunyai pegangan 60 hingga 92 peratus dalam syarikat usaha sama perladangan, FELCRA Daya Khas Plantation Sdn Bhd, FELCRA Balingian Plantation Sdn Bhd, FELCRA Gedong Plantation Sdn Bhd, FELCRA Sundar Awat-Awat Plantation Sdn Bhd, FELCRA Ever Herald Sdn Bhd dan FELCRA Pelita Jemoreng Sdn Bhd.

Selain itu, pegangan antara 8.75 hingga 40 peratus dalam syarikat usaha sama perkilangan melalui FELCRA Venture Sri Aman Sdn Bhd, FELCRA Jayaputra Sdn Bhd, FELCRA Jaya Samarahan Sdn Bhd dan Kilang Sawit Panji Alam Sdn Bhd.

"Kita juga merangka kerjasama dengan sebuah anak syarikat kerajaan Perak dan pelabur luar untuk pembangunan industri tertentu yang membolehkan jaminan pendapatan tambahan kepada organisasi dan peserta," kata Mat Roni.

Jana pendapatan

FELCRA Berhad bermula sebagai agensi yang ditubuhkan kerajaan dipertanggungjawab memajukan kawasan luar bandar dengan membuka peluang kepada masyarakat luar bandar menyertai aktiviti ekonomi bagi menjana pendapatan.

Pada 1997, agensi berkenaan dikorporatkan dan dikenali sebagai FELCRA Berhad, bertukar status daripada badan berkanun kepada syarikat korporat milik Menteri Kewangan (Diperbadankan) dan dibawah seliaan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).

Kini, FELCRA Berhad bergiat dalam beberapa bidang perniagaan secara proaktif seperti perladangan, pembajaan, hartanah dan pembinaan, pendidikan dan penghasilan makanan, termasuk ternakan tenusu.

Mat Roni berkata, FELCRA Berhad ketika ini menguruskan lebih 200,000 hektar tanah milik peserta dan 30,000 hektar lagi tanah milik agensi itu sendiri dengan berhasrat menambah sekurang-kurangnya 30,000 hektar lagi dalam tempoh lima tahun bagi memastikan ia mampu berdikari.

Katanya, dalam aspek pengambilan tenaga kerja yang berkhidmat di sektor perladangan, FELCRA Berhad memerlukan kira-kira 12,000 pekerja dengan 5,000 membabitkan tenaga kerja asing, termasuk dari Indonesia.

"Dalam mendepani masa depan, kita akan memperluaskan penggunaan teknologi tinggi membabitkan mekanisasi dan digitalisasi melalui penggunaan dron dan jentera bagi mengurangkan kebergantungan tenaga kerja khususnya dari luar.

"Kita sudah pun memulakan transformasi ini membabitkan penggunaan jentera antaranya bagi mengangkut buah sawit di mana hasilnya sebagai contoh kalau guna tiga tenaga kerja manusia kita dapat empat hingga lima tan sehari, namun bila disokong dengan jentera boleh peroleh hingga 20 tan," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau menjamin tahap integriti dan ketelusan operasi FELCRABerhad adalah tinggi melalui pemantauan unit audit dalaman agensi itu, KKDW dan Jabatan Audit Negara.

Katanya, kumpulan hal ehwal peserta FELCRA Berhad juga akan melakukan libat urus dengan semua pesertanya untuk memastikan mereka mengetahui secara telus butiran mengenai hasil, produktiviti dan akaun untung rugi bagi setiap projek.

"Perakaunan FELCRA Berhad bukan sahaja dipantau melalui unit audit dalaman, tetapi juga Jabatan Audit Negara supaya integritinya terjamin," katanya.

> "Kita juga merangka kerjasama dengan sebuah anak syarikat kerajaan Perak dan pelabur luar untuk pembangunan industri tertentu yang membolehkan jaminan pendapatan tambahan kepada organisasi dan peserta"



Mat Roni Zakaria, *Ketua Pegawai Eksekutif FELCRA Berhad*

Amalkan ketelusan

Beliau mengulas arahan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi supaya FELCRA Berhad mengamalkan ketelusan selain berdikari tanpa mengharapkan kebergantungan dana daripada kerajaan.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah sebelum ini dilaporkan berkata, FELCRA Berhad harus belajar daripada pengalaman sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang dahulunya disenaraikan di Bursa Malaysia, namun akhirnya berdepan masalah yang cukup besar.

Mengenai pembayaran dividen kepada peserta, Mat Roni berkata, pada Oktober lalu, seramai 74,949 peserta FELCRA Berhad di seluruh negara menerima bayaran dividen membabitkan nilai keseluruhan RM181.5 juta bagi pembayaran Keuntungan Boleh Agih Interim 2/2022.

TARIKH:
27 JANUARI 2023

HALAMAN:
7

ONLINE

Utusan Malaysia ☐
Berita Harian X
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 Nanyang Siang Pau ☐
東方日報 Oriental Daily News ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

Program luar bandar tetap diteruskan walaupun bajet kurang

Putrajaya: Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) tidak akan berkompromi dalam pelaksanaan program untuk rakyat luar bandar, biarpun peruntukan 2023 dijangka berkurang.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata kementerian itu akan mengamalkan pendekatan menggunakan peruntukan yang diberikan, namun akan memohon penyelarasan semula untuk memperoleh peruntukan tambahan.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, berkata apa yang penting bukan hanya program yang dilaksanakan tetapi keberkesanannya.

"Saya menjangkakan KKDW akan mengalami kekurangan bajet. Walaupun saya dimaklumkan terdapat pengurangan kira-kira RM1.16 bilion, pendekatan kita adalah menggunakan peruntukan sedia ada, di samping memohon penyelarasan semula untuk memperoleh peruntukan tambahan.

"Ini difahami oleh pegawai kanan kementerian, jabatan dan agensi kita," katanya.

Bagaimanapun, Ahmad Zahid berkata, beliau yakin pada 24 Februari ini apabila pembentangan semula Belanjawan 2023 dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, selaku Menteri Kewangan, penyusutan bajet itu tidak membabitkan program infrastruktur di luar bandar.

Mengulas lanjut, beliau berkata, program pembangunan luar bandar, termasuk membabitkan industri, usahawan luar bandar serta program sosial tidak seharusnya dikompromikan kerana ia bukan hanya untuk kepentingan masyarakat semata-mata.

Katanya, program pembangunan sedemikian juga memanfaatkan penggunaan sumber tempatan bagi mengelak penghijrahan ke kawasan bandar.

TARIKH:
27 JANUARI 2023
HALAMAN:
7
ONLINE

Utusan ☐
BERITA HARIAN ☒
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
NEW STRAITS TIMES ☐
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☐
THE BORNEO POST ☐
NEW SABAH TIMES ☐

Media massa medium maklum balas pelaksanaan dasar

Putrajaya: Media massa bukan sekadar berperanan menyampaikan maklumat dan dasar kerajaan, sebaliknya juga penting sebagai medium mendapatkan maklum balas keberkesanan pelaksanaan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata tugasnya yang turut memegang portfolio Kemajuan Desa dan Wilayah menuntut pendekatan baharu dalam menjayakan agenda kumpulan sasar.

"Dalam konteks pejabat saya dan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), terlalu banyak agenda yang sudah, sedang dan akan dilaksanakan melalui pendekatan baharu untuk kumpulan sasaran sedia ada bagi dilaksanakan secara efektif.

"Kita harus melihat dari segi keberkesanan kepada kos atau belanjawan yang diberikan oleh kerajaan kepada kementerian ini untuk dilaksanakan.

"Pelaksanaannya bukan hanya berdasarkan kepada 'output', berapa program yang dilaksanakan tetapi sejauh mana keberkesanan program yang dilaksanakan," katanya selepas program Santai Pagi Timbalan Perdana Menteri dengan pengurusan tertinggi Kumpulan Media Prima Berhad (Media Prima).

Maklumat daripada kerajaan

Ahmad Zahid berkata, media berperanan menghidangkan maklumat daripada kerajaan kepada khalayak sama ada penonton, pembaca atau mereka yang mengikuti media digital.

Beliau berkata, dalam konteks KKDW, maklumat berkenaan agensi di bawahnya, yang mempunyai hubungan rapat dengan rakyat, seperti sektor pendidikan daripada prasekolah hingga ke universiti dan beberapa bidang keutamaan lain, harus dikongsikan.

Berikutan itu, beliau berkata, pihaknya bersedia mengeratkan lagi kerjasama dengan pihak media, khususnya Media Prima.

Sementara itu, Rafiq berkata, banyak perkara yang dibincangkan dalam pertemuan lebih sejam dengan Timbalan Perdana Menteri pagi tadi.

"Kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada Timbalan Perdana Menteri kerana menerima kunjungan daripada Media Prima hari ini (semalam).

"Alhamdulillah banyak perkara berjaya kami bincangkan, antaranya bagaimana untuk mengukuhkan lagi kerjasama antara pihak kerajaan dan kementerian dengan pihak Media Prima," katanya.